

SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 21 September 2017

Bil. 02/2017

Ruj:(21)dml.UNISEL/PP/01/11

MAKLUMAN BERHUBUNG PINDAAN KALENDAR AKADEMIK DIPLOMA & SARJANA MUDA, PENGAJIAN SISWAZAH (SECARA KERJA KURSUS) DAN PROGRAM FRANCAIS BAGI SEMESTER SEPTEMBER 2017

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan berhubung Kalendar Akademik Semester September 2017 bagi program Diploma & Sarjana Muda, Pengajian Siswazah (Secara Kerja Kursus) dan program Francais.

2.0 MAKLUMAT PINDAAN

- 2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-151 (Bil. 07/2017) bertarikh 23 Ogos 2017 telah meluluskan Kalendar Akademik UNISEL 2018 bagi semua peringkat pengajian.
- 2.2 Selaras dengan kelulusan tersebut, mesyuarat juga telah bersetuju untuk membuat pindaan pada Kalendar Akademik Semester September 2017 bagi program Diploma & Sarjana Muda, Pengajian Siswazah (Secara Kerja Kursus) dan program Francais seperti di Jadual 1.
- 2.3 Butiran pindaan adalah seperti berikut:-

i) Tempoh Cuti Semester

Tempoh Cuti Semester yang sepatutnya bermula 29 Januari hingga 16 Februari 2018 (tiga minggu) dipendekkan kepada 29 Januari hingga 9 Februari 2018 (dua minggu).

ii) Tarikh Mesyuarat Senat

Tarikh Mesyuarat Senat bagi mengesahkan keputusan peperiksaan akhir Semester September 2017 dipinda daripada 14 Februari 2018 (Rabu) kepada 9 Februari 2018 (Jumaat).

Jadual 1

SEMESTER SEPTEMBER 2017		
AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Pelajar Baharu	23 September 2017	1 hari
Minggu Tekad Siswa	23 - 26 September 2017	4 hari
Pendaftaran Pelajar Semasa	28 September - 03 Oktober 2017	6 hari
Kuliah I	02 Oktober - 17 November 2017	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	20 - 24 November 2017	1 minggu
Kuliah II	27 November 2017 - 12 Januari 2018	7 minggu
Ulangkaji dan Peperiksaan Akhir	13 - 28 Januari 2018	2 minggu
Cuti Semester	29 Januari - 9 Februari 2018	2 minggu
Mesyuarat Senat	9 Februari 2018	

**CANSELORI
CHANCELLORY**

Bestari Jaya Campus: Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 3280 5011 Fax: +603 3289 8770

Shah Alam City Campus: Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 5522 3400 Fax: +603 5513 9143

- 2.4 Berdasarkan pindaan di atas, semua pihak khususnya fakulti perlu mengambil perhatian terhadap beberapa tarikh penting untuk melicinkan proses pengurusan dan pentadbiran akademik seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI	KETERANGAN	TARIKH
1.	Sistem OMES dibuka	Tarikh mula memasukkan markah	13 Januari 2018
2.	Sistem OMES ditutup	Tarikh akhir memasukkan markah	4 Februari 2018
3.	Sistem BESTARI dibuka untuk penjana gred	Fakulti mula menjana gred pelajar untuk keperluan mesyuarat di peringkat program/jabatan/fakulti sebelum dibawa ke Mesyuarat Senat	13 Januari 2018
4.	Sistem BESTARI ditutup untuk penjana gred	Tarikh akhir untuk menjana gred	6 Februari 2018
5.	Mesyuarat Fakulti/Mesyuarat Lembaga Akademik Fakulti	Fakulti mengadakan mesyuarat sebaik sahaja Pusat Pembangunan Program Asasi (CDFS) mengadakan mesyuarat bagi memastikan semua markah kursus servis telah dimasukkan	Selewat-lewatnya pada 5 Februari 2018
6.	Mesyuarat Pra-Senat/Mesyuarat HEA	Semua proses penjana gred dan GPA/CGPA tidak dibenarkan	7 Februari 2018
7.	Penghantaran Kertas Senat kepada Sekretariat Senat	Hanya untuk agenda: i) Pengesahan Keputusan Peperiksaan ii) Pengesahan Bergraduasi	7 Februari 2018
8.	Mesyuarat Senat	Mesyuarat mengesahkan keputusan peperiksaan	9 Februari 2018
9.	Paparan keputusan peperiksaan kepada pelajar	Semakan melalui portal pelajar	10 Februari 2018

3.0 TINDAKAN

- 3.1 Bersama ini dilampirkan Kalendar Akademik Semester September 2017 bagi program Diploma & Sarjana Muda, Pengajian Siswazah (Secara Kerja Kursus) dan program Francais yang terkini untuk perhatian dan tindakan semua pihak.
- 3.2 Semua Fakulti, Pejabat, Jabatan dan Unit hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk dalam Surat Pekeliling ini.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Ikhlas,



TUAN HAJI SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF

Pendaftar

- s.k : Presiden & Naib Canselor
 : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
 : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)
 : Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
 : Bendahari